

SOALAN NO. 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian dari segi memperkenalkan peluang kerja-kerja sambilan di rumah serta memberi latihan yang diperlukan kepada individu-individu yang tidak dapat bekerja di luar kerana perlu menjaga orang-orang sakit kronik atau orang-orang kurang upaya di rumah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat perihatin terhadap keperluan kumpulan sasar dalam memenuhi keperluan hidup termasuk individu atau keluarga yang menjaga orang-orang sakit kronik terlantar atau orang-orang kurang upaya terlantar di rumah. Oleh itu, pada tahun 2009 Kementerian telah memperkenalkan **Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)** dengan kadar sebanyak RM300 sebulan untuk membantu keluarga yang menjaga orang-orang sakit kronik terlantar atau orang-orang kurang upaya terlantar. Bantuan tersebut bertujuan menggalakkan keluarga untuk menjaga ahli keluarga mereka yang terlantar di samping mengurangkan bebanan perbelanjaan penjagaan OKU atau pesakit yang ditampung oleh keluarga tersebut. Hingga bulan Mei 2014, seramai 25,885 orang telah menerima insentif ini dengan peruntukan sebanyak RM40.99 juta.

Kementerian juga telah berusaha membantu kumpulan sasar dalam menyediakan peluang kerja-kerja sambilan di rumah serta memberi latihan

yang diperlukan terutama kepada individu-individu yang tidak dapat bekerja di luar kerana perlu menjaga orang-orang sakit kronik atau orang-orang kurang upaya di rumah menerusi program-program seperti berikut:

a) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT)

Inisiatif ini yang bermatlamat untuk membasmi kemiskinan di kalangan ibu tunggal yang berpendapatan di bawah paras garis kemiskinan menyediakan program meningkatkan kemahiran dan pengetahuan terutama dalam bidang keusahawanan. Secara khususnya, program I-KIT memberi tumpuan latihan kemahiran dalam bidang jahitan, terapi kecantikan, penghasilan kraf tangan, pengasuhan kanak-kanak, pelancongan, dan pemprosesan makanan. Selepas mengikuti latihan yang disediakan di bawah program ini, semua peserta boleh menjana pendapatan melalui pekerjaan yang diceburi samada bekerja dari rumah atau di luar rumah. Sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun 2008 hingga Ogos 2014, seramai 4,108 orang telah menyertai program I-KIT di seluruh negara.

b) Kraf Kreatif

Kraf Kreatif juga dikategorikan sebagai salah satu program '*outreach*' JPW untuk manfaat wanita khususnya wanita yang tinggal di kawasan luar bandar. Program ini bertujuan membekalkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang jahitan atau kraftangan yang boleh dikomersialkan. Program ini turut bertujuan menggalakkan penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan. Sehingga Disember 2013 sebanyak 1,090 program telah dilaksanakan yang membabitkan seramai 41,493 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM5.9 juta. Manakala bagi tahun 2014, sebanyak RM1.16 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 222 program Kraf Kreatif dengan sasaran penyertaan seramai 6,660 orang peserta.

c) Bantuan Geran Pelancaran (BGP)

Merupakan bantuan sekaligus dengan kadar maksimum RM2700 untuk menggalakkan kumpulan sasar JKM yang mempunyai minat dan potensi untuk menceburi bidang perusahaan atau perniagaan kecil. Klien yang menerima BGP boleh menjalankan aktiviti perniagaan atau pekerjaan yang mampu menjana pendapatan samada di rumah atau di luar rumah. Hingga bulan Mei 2014, seramai 140 orang telah menerima insentif tersebut dengan peruntukan sebanyak RM353,513.

d) Program 1AZAM

Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Areas* (NKRA): Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus dipergiat untuk membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan keluarga melalui bidang perniagaan (AZAM Niaga), perkhidmatan (AZAM Khidmat), pertanian (AZAM Tani) dan pekerjaan (AZAM Kerja). . Program 1AZAM telah

mencatatkan penyertaan sejumlah 163,213 orang di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 31 Ogos 2014.

e) ***Small Office Home Office (SOHO)***

Pelaksanaan konsep SOHO diperkenalkan oleh KPWKM telah bermula pada tahun 2007, di mana Seminar berkaitan SOHO telah diadakan dengan kerjasama e-Homemakers. Pada tahun yang sama, KPWKM telah melancar Buku Panduan SOHO sebagai rujukan dan panduan kepada orang ramai untuk melibatkan diri dalam kerjaya dari rumah ini. Pada tahun 2008, KPWKM telah melaksanakan bengkel latihan SOHO khusus kepada 30 orang peserta wanita Orang Kurang Upaya (OKU) yang ingin bekerja dari rumah dengan menggunakan komputer dan kemudahan Internet. Menyedari kebanyakan wanita yang tinggal di rumah mampu menyumbang secara produktif, pada tahun 2012, JPW telah melaksanakan Program *SOHO to SOGO* bagi membantu usahawan-usahawan wanita yang menghasilkan produk di rumah dan berdaya saing untuk memperkenalkan produk mereka di KL SOGO di samping menggalakkan mereka mempromosi produk jualan secara dalam talian.